


Malaysia Technical Universiti Sports Meet (MTUN), UniMAP Johan Di Laman Sendiri

Kejohanan Sukan Universiti Teknikal Malaysia atau nama singkatannya MTUN adalah merupakan satu kejohanan Sukan Dwi Tahunan yang dianjurkan oleh Universiti-universiti gabungan yang terdiri oleh empat universiti teknikal iaitu Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Tun Hussien Onn dan Universiti Teknikal Melaka. Kejohanan ini turut melibatkan beberapa acara kepada 3 kategori iaitu untuk siswa-siswi dan juga kakitangan universiti serta kategori campuran iaitu kakitangan dan

siswa universiti. Pada 11 hingga 13 Disember 2009 yang lalu Universiti Malaysia Perlis dibawah pengendalian Pusat Sukan UniMAP selaku teknikal kejohanan telah diberikan hak penganjuran kejohanan pada kali ini. Sebanyak 13 acara telah dipertandingkan bagi kategori siswa-siswi dan juga kakitangan seperti acara Bola Tambar Wanita, Tennis Campuran, Sepak Raga Ribu, Woodball VIP, Woodball Campuran, Badminton Campuran, Futsal Sangkar Veteran, Futsal Sangkar Staf Lelaki,

Futsal Sangkar Pelajar Lelaki, Futsal Sangkar Pelajar Wanita, Ragbi 10s, Bola Jaring Staf Dan Bola Jaring Siswi. Bagi acara olahraga UniMAP telah menggondol 3 pingat emas, 4 perak dan 4 gangsa dalam acara keseluruhan. Majlis penyampaian hadiah turut disampaikan oleh Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor dari universiti gabungan tersebut. Berikut adalah keputusan rasmi sepanjang kejohanan berlangsung:

Acara	Bola Tambar Wanita	Acara	Tenis Campuran
Johan	Universiti Malaysia Perlis	Johan	Universiti Malaysia Perlis
Naib Johan	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Naib Johan	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
Acara	Sepak Raga Ribu	Acara	Woodbal VIP
Johan	Universiti Malaysia Perlis	Johan	Universiti Malaysia Perlis
Naib Johan	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia	Naib Johan	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Ketiga	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	-	
Acara	Woodball Campuran	Acara	Badminton Campuran
Johan	Universiti Malaysia Perlis	Johan	Universiti Tun Hussien Onn
Naib Johan	Universiti Teknikal Melaka	Naib Johan	Universiti Malaysia Perlis
-	-	Ketiga	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Acara	Futsal Sangkar Veteren	Acara	Futsal Sangkar Staf Lelaki
Johan	Universiti Malaysia Perlis	Johan	Universiti Malaysia Perlis
Naib Johan	Universiti Teknikal Melaka	Naib Johan	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
-	-	Ketiga	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
Acara	Futsal Sangkar Siswa Lelaki	Acara	Futsal Sangkar Siswa Wanita
Johan	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Johan	Universiti Malaysia Pahang
Naib Johan	Universiti Malaysia Pahang	Naib Johan	Universiti Tuuh Hussien Onn Malaysia
Ketiga	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia	-	
Acara	Ragbi 10s	Acara	Bola Jaring Siswi
Johan	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	Johan	Universiti Malaysia Perlis
Naib Johan	Universiti Malaysia Perlis	Naib Johan	Universiti Tuuh Hussien Onn Malaysia
Ketiga	Universiti Malaysia Pahang	Ketiga	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Acara	Bola Jaring Staf		
Johan	Universiti Teknikal Malaysia Melaka		
Naib Johan	Universiti Malaysia Perlis		
Ketiga	Universiti Tuuh Hussien Onn Malaysia		

Mohd Hafeez Nordin